

JAWAPAN

PELAJARAN
19

Qiamullail Pemangkin Kekuatan Jiwa

1. Maksud:

Amalan bangun malam untuk beribadat kepada Allah SWT seperti menunaikan solat Tahajud dan membaca al-Quran. Hukum: Hukum qiamullail adalah sunat dan dituntut Terjemahan dalil: Firman Allah SWT, maksudnya: "Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta tunaikanlah sembahyang tahajud padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkitkan dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji". (Surah al-Isra', ayat 79)

2. (a) Menunaikan solat tahajud

- (b) Menunaikan solat hajat
- (c) Membaca al-Quran

(d) Berzikir

(e) Berdoa

(f) Beristighfar

3. • Solat awwabin

- Solat tahajud
- Solat hajat
- Solat taubat
- Solat tasbih

4. (a) Doa dimakbulkan Allah SWT

- (b) Menjadi hamba yang bersyukur
- (c) Beroleh balasan syurga di akhirat

5. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. C |
| 6. C | 7. C | 8. A | | |

Bahagian D

1. (a) (i) 1. Doa dimakbulkan oleh Allah SWT

2. Menjadi hamba yang bersyukur

(ii) Orang yang mampu melakukan qiamullail adalah seseorang yang kuat keazamannya dan tidak berada dalam angan-angan. Individu tersebut mempunyai kemahiran yang tinggi, demi mengejar kebaikan yang tersembunyi dalam qiamullail tersebut yang amat berguna kepada kehidupan. Orang yang tidak panjang angan-angan akan mempunyai semangat daya saing yang tinggi serta kekuatan jiwanya

terpancar dari kejernihan wajahnya. Diri mereka terhindar dari sikap suka berkhayal dan mengeluh. Oleh itu, seseorang itu hendaklah mengamalkan qiamullail agar dapat mengurangkan angan-angan kosong dalam kehidupan.

- (b) (i) Sunat
- (ii) Haram
- (iii) Sunat
- (iv) Sunat
- (c) (i) ✓
- (ii) ✓
- (iii) X
- (d) (i) Memperbanyak zikir, membaca al-Quran, istighfar dan berdoa.
- (ii) Disudahi dengan solat sunat witir.
- (e) (i) malam
- (ii) kemuliaan
- (iii) al-Quran

POWER KBAT

1. Sebagai seorang murid, saya akan cuba mengamalkan qiamullail dalam kehidupan dengan bangun awal pagi sebelum subuh dan melaksanakan beberapa amalan qiamullail seperti solat tahajud, berdoa dan membaca al-Quran secara istiqamah. Kesimpulannya, untuk menjadi murid yang hebat dan cemerlang dunia akhirat maka hendaklah mengamalkan qiamullail agar mendapat rahmat daripada Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan pembelajaran.

2. Menunaikan qiamullail pada waktunya memerlukan disiplin diri yang tinggi agar dapat mengamalkannya secara istiqamah. Hal ini dapat memberi kesan positif kepada individu dengan menjadikannya lebih berdisiplin dalam kehidupan seharian. Selain itu, dengan mengamalkan qiamullail juga akan memberikan ketenangan kepada seseorang menyebabkannya mudah untuk mengingati ilmu. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan qiamullail supaya dapat menjadi individu yang berdisiplin dan mempunyai ilmu yang tinggi.

3. Terdapat keistimewaan dan kekuatan luar biasa pada waktu malam seperti menghidupkan dan membuka mata hati sebagaimana Nabi Ibrahim a.s. menemui hakikat ketuhanan yang sebenar, dapat mendatangkan tumpuan atau kekhusyukan, dapat muhasabah kekuatan diri dan mewujudkan keikhlasan serta kejujuran dalam beramal. Oleh itu, ini menyebabkan banyak perkara kerohanian berlaku pada waktu malam.